

# Kontraktor berwibawa bina Hospital Pengajar UniSZA

BERITA HARIAN

27/11/2015

**Kuala Terengganu:** Pelaksanaan kontrak pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bernilai RM600 juta, diserahkan kepada UniSZA Holdings.

Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Yahya Ibrahim, berkata perkara itu dimuktamadkan dalam pertemuan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman, pada bulan lalu.

## **Pengalaman bina hospital**

Beliau berkata, pihaknya akan memilih kontraktor berwibawa dengan pengalaman membina hospital besar dan hospital pakar di negara ini seperti Hospital Putrajaya.

"Bagaimanapun, Kerajaan Pusat menerusi Jabatan Kerja Raya (JKR) tetap akan memantau pembinaan projek itu kelak.

"Pembinaan hospital pengajar berkenaan akan



“

*Pembinaan hospital pengajar berkenaan akan mengambil contoh hospital terbaik peringkat antarabangsa antaranya hospital di Kanada”*

**Yahya Ibrahim,**  
Naib Canselor UniSZA

mengambil contoh hospital terbaik peringkat antarabangsa antaranya hospital di Kanada,” katanya di sini, semalam.

Pembinaan hospital yang dibina di kawasan seluas 20.2 hektar di Kampung UniSZA Gong Badak itu, dijangka siap menjelang akhir 2017 dan dilengkapi 400 katil bagi menampung keperluan pesakit negeri ini, terutama sekitar bandar ini.

Hospital pengajar itu akan menyediakan tempat yang lebih baik kepada penuntut perubatan UniSZA untuk mengamalkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran dalam bidang perubatan.

Kemudahan yang dibangunkan itu juga menjadi hospital universiti Islam ketiga di Malaysia, selepas Hospital Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Hospital Universiti Sains Islam Malaysia, yang mengamalkan kaedah Islam dalam merawat pesakit.